

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA
KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di **Kuala Lumpur** yang masih sah tempohnya dalam **Gred G2, Kategori B dan Pengkhususan B28 (Kerja-Kerja Ubahsuai)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)** (Sekiranya Ada) bagi menyertai sebut harga berikut:

:

NO. SEBUT HARGA : PSM/BKEW/S/2024/2

TAJUK SEBUT HARGA : KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN MEMBAIKPULIH KAFETERIA DI LOBI STADIUM NASIONAL, KUALA LUMPUR SPORTS CITY

TARIKH IKLAN : 15 JANUARI 2024 (ISNIN)

TARIKH TAKLIMAT / : 17 JANUARI 2024 (RABU)
LAWATAN TAPAK

MASA TAKLIMAT / : 10.00 PAGI
LAWATAN TAPAK

TEMPAT TAKLIMAT / : LOBI STADIUM NASIONAL, KUALA LUMPUR
LAWATAN TAPAK SPORTS CITY

TARIKH TUTUP SEBUT : 24 JANUARI 2024 (RABU)
HARGA JAM 12.00 TENGAH HARI

1. Dokumen Meja boleh disemak di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat bermula 15 Januari 2024 (Isnin).
2. Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan seperti tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan. Untuk maksud ini, **hanya penama di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak berkenaan. **Wakil tidak dibenarkan.** Bagi tujuan pengesahan, Sijil Asal dan Salinan hendaklah dibawa semasa sesi taklimat dan lawatan tapak berserta cop syarikat.
3. Penyebut harga **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai taklimat sebut harga dan seterusnya menyertai sebut harga ini sekiranya penyebut harga didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan semasa taklimat tapak diadakan. Mana – mana penyebut harga yang mengemukakan

surat **"Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Di Luar Bidang Pengkhususan"** atau surat **"Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga bagi Gred yang lebih tinggi / rendah"** yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**

4. Dokumen sebut harga boleh diambil bermula pada **17 Januari 2024 (Rabu) di Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur**. Bagi tujuan pengesahan, Sijil Asal dan Salinan hendaklah dibawa semasa pengambilan sebut harga.
5. Bagi tujuan pengambilan dan penyerahan dokumen sebut harga, hanya **satu (1) orang sahaja sama ada pemilik / wakil yang dibenarkan untuk satu (1) sebut harga yang dikeluarkan oleh Perbadanan**.
6. Jika tidak hadir sendiri, wakil syarikat hendaklah membawa surat pengesahan wakil yang telah ditauliahkan. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat yang sah sahaja.
7. Pemilik / wakil dari syarikat lain tidak dibenarkan untuk mengambil dan menyerahkan dokumen sebut harga bagi syarikat bukan miliknya.
8. Penyebut harga hendaklah mencatatkan Tajuk dan No. Sebut harga di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada 24 Januari 2024 (Rabu)**. Tawaran yang lewat dikemukakan dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
9. Perbadanan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
10. Perbadanan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
11. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan sebut harga ini.
12. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut:-

Spesifikasi

Siti Nurul Intan binti Yahya
(intan@stadium.gov.my)

012-6319835

M. Fadzlisham bin Md Zain
(fadzlisham@stadium.gov.my)

019-3137788

Dokumentasi

Yusyahira Azni Bt Che Mohd Azmi
(yusyahira@stadium.gov.my)

03-89920834